



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Peguambela (Sarawak) (Pindaan) 1987
DR.21/1987

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela Sarawak.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Peguambela (Sarawak) (Pindaan) 1987. Tajuk ringkas.
2. Seksyen 4 Ordinan Peguambela Sarawak, yang dalam Akta ini disebut “Ordinan”, adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “the University of Malaya” dan “Bachelor of Laws” dalam perenggan (cc) subseksyen (1) perkataan-perkataan “, the International Islamic University, Malaysia,” dan “or to whom the MARA Institute of Technology, Malaysia, has awarded the Advanced Diploma in Law” masing-masingnya. Pindaan seksyen 4. Sarawak Bab 110.
3. Seksyen 12 Ordinan adalah dipinda— Pindaan seksyen 12.
 - (a) dengan menggantikan noktah bertindih dalam perenggan (j) dengan koma bertitik; dan

(b) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan (j) perenggan baru (k) yang berikut:

“(k) if he has been guilty of a breach of any rule regulating the practice and etiquette of the profession made under section 17:”.

Seksyen
baru 12A.

4. Ordinan adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 12 seksyen baru 12A yang berikut:

“Striking
off and
suspension
of advocate
if he is
struck
off or
suspended
in other
places in
Malaysia.

12A. Notwithstanding the provisions of section 13, the High Court may, at its discretion, upon an application, supported by satisfactory evidence in writing, made to it by the Inquiry Committee established pursuant to section 17, strike the name of an advocate off the roll of advocates or suspend an advocate from practising in Sarawak if it is satisfied on the evidence given that the advocate who is also an advocate and solicitor in West Malaysia or an advocate in Sabah has been struck off the roll or suspended for improper conduct or practice in his capacity as an advocate and solicitor or an advocate in any of those places and has not been restored to the roll.”.

Pindaan
seksyen 13.

5. Seksyen 13 Ordinan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “State Attorney-General” dalam subseksyen (3) dengan perkataan-perkataan “Inquiry Committee established pursuant to section 17”.

Pindaan
seksyen 17.

6. Seksyen 17 Ordinan adalah dipinda—

(a) dengan memotong perkataan “and” yang terdapat di akhir perenggan (c); dan

- (b) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan (c) perenggan baru (cc) dan (ccc) yang berikut:

“(cc) regulating disciplinary proceedings against any advocate who fails to comply with any rules made under this section;

(ccc) establishing an Inquiry Committee and to make rules for regulating the hearing and investigation of matters before or by an Inquiry Committee; and”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Ordinan Peguambela Sarawak.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 4 bagi memberi pengiktirafan kepada ijazah Bachelor of Laws yang dianugerahkan oleh Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia, dan Diploma Lanjutan Undang-Undang yang dianugerahkan oleh Institut Teknologi MARA, Malaysia, sebagai kelayakan yang perlu sebelum seseorang boleh diterima sebagai peguambela di Sarawak.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 12 bagi memperuntukkan satu lagi sebab (iaitu bersalah kerana melanggar mana-mana kaedah yang mengawalselia amalan dan etiket profesion yang dibuat di bawah seksyen 17) yang kerananya seseorang peguambela boleh dipotong namanya daripada daftara atau digantung daripada menjalankan amalan di Sarawak.

4. *Fasal 4* bertujuan memasukkan seksyen baru 12A bagi membolehkan Mahkamah Tinggi memotong nama seseorang peguambela daripada daftara atau menggantung seseorang peguambela daripada menjalankan amalan jika namanya telah dipotong daripada daftara atau ia telah digantung daripada beramal undang-undang di Malaysia Barat atau di Sabah.

5. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 13 dengan menggantikan “State Attorney-General” dengan “Inquiry Committee” sebagai pemohon dalam prosiding bagi memotong nama seorang peguambela atau menggantung seorang peguambela daripada beramal.

6. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 17 dengan penambahan dua perenggan baru (*d*) dan (*e*). Maksud pindaan ini adalah untuk membolehkan Hakim Besar membuat kaedah-kaedah bagi memperuntukkan—

- (a) prosiding tatatertib terhadap mana-mana peguambela yang tidak mematuhi peruntukan mana-mana kaedah yang dibuat di bawah seksyen itu; dan
- (b) penubuhan suatu Jawatankuasa Siasatan dan bagi mengawalselia perbicaraan dan penyiasatan perkara-perkara yang di bawa ke hadapannya atau olehnya.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (PU²) 1397.]

